

USIM perkayakan buku tempatan

Oleh W. RAHIMAH DRAMAN >> Gambar HAYAT SUET

PERISTIWA

BAYANGKAN apa akan jadi kepada negara akan datang jika statistik purata rakyat Malaysia yang membaca hanya pada kadar dua naskah buku setahun. Akan terlaksanakah gagasan sebagai negara maju pada tahun 2020 jika rakyat hanya membaca dua naskah buku setahun?

Hasil kajian profil membaca rakyat Malaysia oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada tahun 1996 itu tidak banyak berubah apabila perangkaan tahun 2005 mendapati hanya 10,310 judul buku dalam pelbagai bidang didaftarkan setahun, berbanding 180,000 judul di China, 116,000 judul di United Kingdom, 60,000 judul di Amerika Syarikat dan 45,000 judul di India.

Purata dua naskah buku yang dibaca oleh rakyat Malaysia dalam tempoh setahun itu pula adalah bahan bacaan santai berupa komik, majalah dan akhbar.

Daripada 10,310 judul buku berdaftar setahun yang dihasilkan oleh perangkaan PNM itu pula, hanya 1,273 atau 32 peratus sahaja buku ilmiah yang dikategorikan boleh meningkatkan minda, inovasi dan keilmuan kepada pembaca. Yang lain adalah bahan bacaan santai di samping buku-buku teks akademik dan kanak-kanak.

Seperkara lagi, daripada hampir 600 buah institusi pengajian tinggi (termasuk 20 institut pengajian tinggi awam) sedia ada dengan tenaga akademik atau ilmuwan melebihi 20,000 orang, hanya 6.4 peratus yang menyumbang dalam penerbitan buku pada tahun 2005.



RODIAN Meor Sulaiman (tengah) menunjukkan antara koleksi buku-buku terbaru terbitan USIM pada majlis pelancarannya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Jika catatan angka-angka yang rendah itu berterusan, tidak mustahil satu hari nanti khazanah ilmu akan lenyap dan kepakaran serta kemahiran tokoh-tokoh ilmuwan dan sarjana akan hilang begitu sahaja, manakala daya berfikir rakyat pula akan lumpuh.

Ini bermakna matlamat menjadi negara maju pada tahun 2020 hanya tinggal gagasan. Sebabnya, minda rakyat tetap mundur dan daya pemikiran yang kreatif mereka terus ketinggalan.

Begitupun, usaha Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (dulu Kolej Universiti Islam Malaysia) mengembangkan keilmuan melalui penerbitan lebih banyak buku-buku ilmiah dilihat mampu membendung situasi suram itu.

Terkini, USIM yang baru menjangkau usia enam tahun kewujudannya, melancarkan 23 lagi buku baru dalam pelbagai disiplin keilmuan secara ilmiah yang dihasilkan oleh para sarjana di institusi berkenaan.

Kesemua 23 judul yang diterbitkan USIM sepanjang tahun 2006 itu termasuklah 10 judul yang diterbitkan oleh fakulti dalam institusi tersebut.

Kejayaan menghasilkan sebanyak 55 judul buku dan jurnal dalam pelbagai disiplin ilmu sebelum ini membuktikan kesungguhan para ilmuwan di USIM dalam mengembangkan ilmu.

Hasil kajian secara ilmiah mereka tidak terhad dalam bilik kuliah tetapi untuk dikongsi dan disebar kepada masyarakat melalui penulisan dan penerbitan.

Sehubungan itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamad dalam ucapan yang dibaca oleh wakilnya pada majlis pelancaran buku-buku terbaru USIM baru-baru ini berkata, Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (Mapim) akan mewujudkan Anugerah Penerbitan Mapim mulai tahun ini.


Usaha Mapim itu katanya, antara cara untuk menyuntik motivasi baru kalangan ilmuwan agar mengembangkan ilmu dan kepakaran mereka melalui penulisan buku supaya dapat dikongsi dan di manfaatkan oleh masyarakat secara lebih menyeluruh.

Menurutnya, pembabitan sarjana tempatan dalam penulisan dan penerbitan buku ilmiah bukan sahaja akan menyumbang kepada kemajuan negara tetapi akan meletakkan nama dan keilmuan mereka di tahap sepatutnya dan dijadikan rujukan oleh generasi akan datang.

Buku-buku baru terbitan USIM (2006)

- *Aliran Al-Ra'y dan Aliran Al-Hadith Dalam Fiqh* oleh Irwan Mohd Subri
- *Anjakan Paradigma Dakwah Dalam Menghadapi Pelampau Agama* oleh Prof. Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo.
- *Akidah dan Pembangunan Tamadun* oleh Mohd Radhi Ibrahim.
- *Pertandingan Kontemporari Menurut Perspektif Islam* oleh Azman Ab. Rahman.
- *Formula Penguasaan Bahasa Arab Yang Efektif* oleh Ahmad Pengidoan Nasution, Wan Azura Wan Ahmad, Arnida Abu Bakar dan Lubna Abd Rahman.
- *Nusyuz, Shiqaq & Hakam: Menurut al-Quran, Sunnah dan Undang-Undang Keluar-ga Islam* oleh Nurzulaili Mohd Ghazali dan Wan Abdul Fatah Wan Ismail.
- *Kesan Bahasa Arab Dalam Peradaban Melayu di Malaysia* oleh Zinur Rijal Abd Razak dan Rosni Samah.
- *Al-Khitabah Bayna Al-Ilmi Al-Nadhary wa Al-Fanni Al-Tatbiqy* oleh Abd Rahim Arsyad.
- *Al-Jarahah Al-Tajmiliyyah - Rukyah Islamiyyah* oleh Mus-haddad Hasbullah.
- *Dirasat fi Al-Tafsir Al-Maudu'i - Al-Ruh fi Al-Quran Al-Karim* oleh Dr. Lhezan Mousa Hasan Al-Rubai'i.
- *Ta'sir Al-Burdah wa Al-Hamiziyyah li Al-Busairi fi Syi'r Khunzu al-'Ula Al-Malizi* oleh Dr. Rosni Samah.
- *Amalan Kehakiman dan Guan Syarie di Malaysia* suntingan Zulkifli Hasan, Arif Fahmi Md. Yusof dan Abd Hamid Abd Murad.
- *Reading in Islamic Financial Services* suntingan Amir Shahrudin, Suhaila Abd Hamid dan Norhaziah Nawai.

Tempahan dan maklumat lanjut mengenai buku-buku USIM boleh didapati dengan menghubungi Unit Penerbitan Bahagian Pengerusan Ilmu dan Teknologi Maklumat USIM di talian 06-7988045 atau e-mel; hariza@admin.kuim.edu.my sekarang.



KEJAYAAN menghasilkan 55 buku dan jurnal dalam pelbagai disiplin ilmu membuktikan kesungguhan para ilmuwan di USIM.